

Langkah kerajaan tarik biasiswa tolong negara dalam usaha pembangunan

11 M. 12 MAC 1975

KUALA LUMPUR 11 Mac — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mo-
hamad berkata langkah kerajaan menarik balik biasiswa yang diberi kepada pelajar-pelajar yang didapati menyertai demonstrasi akan menolong negara dalam usaha pembangunan.

Katanya, langkah kerajaan itu juga akan mempercepatkan keseimbangan antara kaum di kalangan orang-orang yang terpelajar di semua peringkat.

Dalam masalah pelajaran, katanya, perkara yang penting bukan bilangan penuntut yang mendapat peluang belajar yang penting ialah bilangan yang lulus yang mendapat diploma atau ijazah yang diakui umum.

Dr. Mahathir berucap demikian di majlis makan malam Persatuan Kejuruteraan Institut Teknologi MARA di sebuah hotel terkemuka di sini malam tadi.

Beliau berkata segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan mestilah mengeluarkan hasil.

"Kita ingin melihat mereka yang mendapat peluang pelajaran terutama di peringkat tinggi dapat digunakan untuk menambah daya pe-

ngeluaran negara.

"Jika tidak, wang itu akan sia-sia sahaja," tegasnya.

Kerajaan, katanya lagi, telah membuat keputusan bahawa segala biasiswa dan bantuan pelajaran daripadanya akan diteliti dengan sehalus-halusnya supaya mereka yang benar-benar hendak belajar sahaja akan diberi bantuan.

Dr. Mahathir berkata kerajaan juga akan mengkaji sedalam-dalamnya biasiswa para pelajar yang terikut-ikut dalam tunjuk perasaan haram dan mengaku mereka dipaksa oleh rakan-rakan mereka yang lebih senior.

Beliau menambah bahawa negara ini masih kekurangan jurutera, arkitek dan juru ukur di semua peringkat terutamanya di peringkat pertengahan.